

**KM JAS 5/2025**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR MELAKUKAN PEMANTAUAN  
BERTERUSAN SUSULAN INSEDEN KEBAKARAN YANG MELIBATKAN  
KEBOCORAN SALURAN PAIP GAS PETRONAS SUBANG JAYA**

---

**2 April 2025, PUTRAJAYA** - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 12 tengahari ini menunjukkan **46 stesen** mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan **22 stesen** mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. Tiada stesen mencatatkan bacaan IPU tidak sihat.

Susulan insiden kebakaran yang melibatkan kebocoran saluran paip gas Petronas di Jalan Putra Harmoni, Putra Height, Subang Jaya yang dilaporkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggerakkan pasukan siasatan dan pengawasan kualiti udara ke lokasi penerima terdekat (nearest receptor).

**TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR**

JAS telah membuat pemantauan di kawasan-kawasan sekitar. Kawasan kediaman terdekat yang terjejas ialah Kampung Kuala Sungai Baru. Pengawasan kualiti udara menggunakan alat pengesanan gas CEREX di lokasi terhampir telah dipasang bagi mencerap status kualiti udara semasa.

Setakat ini stesen pengawasan kualiti udara masih di paras sederhana dan tidak mengesan sebarang keadaan bacaan indeks pencemar udara (IPU) yang abnormal susulan insiden ini.

Setakat ini **tujuh (7) stesen pengawasan kualiti udara terdekat** masih tidak mengesan sebarang keadaan yang abnormal susulan insiden ini. Bacaan IPU stesen sekitar lembah Klang adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lokasi Stesen Pemantauan Udara Automatik</b>	<b>Bacaan IPU @ 8 malam, 1 April 2025</b>	<b>Bacaan IPU @ 12 tengah hari, 2 April 2025</b>
1.	Putrajaya	57	58
2.	Shah Alam	57	53
3.	Petaling Jaya	54	46
4.	Klang	52	56
5.	Cheras	55	52
6.	Johan Setia	52	54
7.	Batu Muda Kuala Lumpur	53	50

Pengawasan kualiti udara menggunakan alat pengesan gas CEREX telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Putra Heights 2, iaitu kawasan yang dikenalpasti penerima sensitif yang terletak lebih kurang 2 km dari kawasan kejadian. Bacaan pemantauan sehingga jam 12.00 tengah hari, 2 April 2025 mendapati tiada sebarang gas toksik dikesan dan paras kualiti udara masih normal. **JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti pemantauan melalui darat dan udara dengan menggunakan drone serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.** Koordinasi di antara agensi berkaitan bagi menangani situasi bencana telah diadakan.

### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://eqms.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play'.

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) Pindaan 2024, di mana mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda minimum RM25,000 (dua puluh lima ribu ringgit) sehingga maksimum RM1,000,000 (satu juta ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Disamping itu, kompaun boleh dikenakan tidak melebihi 50% denda maksimum
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia